

Headline **RM302JJ untuk program RMT, PSS sepanjang 2008**  
 Date **09. Feb 2008** Language **MALAY**  
 Media Title **Berita Harian** Page No **23**  
 Section **Pendidikan** Article Size **324** cm2  
 Circulation **217991** Frequency **Daily**  
 Readership **762968** Color **Full Color**



# RM302.7j untuk program RMT, PSS sepanjang 2008

Seramai 699,209 murid Tahun Satu hingga Enam seluruh negara terbabit

Oleh Norliza Abdullah

**K**EMENTERIAN Pelajaran memperuntukkan RM302.7 juta bagi melaksanakan Rancangan Makanan Tambahan (RMT) dan Program Susu Sekolah (PSS) sepanjang sesi persekolahan 2008.

Daripada jumlah itu RM276.7 juta untuk RMT, manakala bakinya RM26.7 juta lagi PSS.

Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Noh Omar, berkata peruntukan itu membabitkan 699,209 murid Tahun Satu hingga Enam seluruh negara.

Beliau berkata, jumlah penerima RMT tahun ini merosot berbanding tahun lalu iaitu seramai 771,506 murid. Penurunan itu menunjukkan kadar sara hidup masyarakat semakin meningkat dan jumlah mereka yang memerlukan bantuan berkurangan.

Menerusi program RMT, katanya setiap murid yang layak menerima bekalan makanan pada kadar RM1.80 seorang di Semenanjung. Ia adalah kadar baru bermula tahun lalu dengan kenaikan 60 sen berbanding ta-

hun sebelumnya RM1.20.

"Bagi kadar di Sabah dan Sarawak serta Wilayah Persekutuan Labuan pula, lebih tinggi iaitu RM2.05 berbanding RM1.35 tahun sebelumnya dengan kenaikan 70 sen," katanya.

Noh berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyerahan Bantuan di Sekolah Menengah Sungai Burung, Tanjung Karang, Selangor, kelmarin.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Bantuan Kebajikan Kementerian, berkata tindakan kerajaan menaikkan kadar makanan tambahan itu wajar bagi menampung kos pengendalian dan bekalan bahan mentah yang semakin meningkat.

Program yang diperkenalkan sejak 1979 itu katanya bertujuan meningkatkan motivasi dan penampilan murid terutama daripada keluarga miskin untuk terus bersemangat ke sekolah dan berusaha lebih gigih bagi mencapai kejayaan.

Baru-baru ini, Noh berkata, kajian sekumpulan penyelidik Universiti Putra Malaysia mendapati program RMT dan PSS berjaya melahirkan

murid yang berdaya saing dengan penampilan lebih yakin.

"Laporan saintifik juga mendapat kandungan zat pada makanan berkhasiat dan bekalan susu yang disediakan membantu meningkatkan kecerdasan otak murid.

"Kajian yang dilaksanakan baru-baru ini membabitkan responden se-

luruh negara, mendapati murid yang mendapat bantuan kedua-dua program ini mencatatkan prestasi pendidikan menggalakkan, sekali gus membentuk penampilan lebih yakin," katanya.

Berdasarkan keberkesanan program berkenaan, Noh berkata, pihaknya meneruskan kedua-dua bantuan program berkenaan membabitkan 6,000 sekolah bandar dan luar bandar seluruh negara.

Murid yang layak menerima RMT dan PSS berkenaan, kata beliau masing-masing daripada keluarga berpendapatan kurang RM400 atau per kapita RM80 dan ke bawah.

Bagi memudahkan pihak sekolah memantau kualiti makanan RMT, Noh berkata, tender bekalan makan di setiap sekolah diberikan kepada pihak pengurusan kantin.

Prosedur ini, katanya lebih mudah kerana guru penyelia dapat mengadakan pemeriksaan terus ke tempat penyediaan makanan dari semasa ke semasa bagi memastikan bekalan yang dihidangkan memenuhi kriteria ditetapkan.

**FAKTA NOMBOR**

Rancangan Makanan Tambahan

**RM1.80**  
Setiap murid di semenanjung

**RM2.05**  
Setiap murid di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan